

## KECERDASAN PERSONAL DUA WANITA PILIHAN DALAM ALQURAN

Najah Nadiah Amran  
Fakulti Pengajian Islam, UKM, Malaysia  
najah@ukm.edu.my

### Pendahuluan

Artikel ini menganalisa secara tekstual kisah dua orang wanita pilihan dengan melihat kontek kehidupan, peristiwa dan pentafsiran-pentafsiran ayat berkaitan dengan mereka. Tujuannya adalah untuk menekuni dan menonjolkan kecerdasan personal mereka menghadapi beberapa insiden kehidupan. Ayat Alquran berkisar tentang dua tokoh wanita pilihan dikumpulkan. Sebagai langkah awal, karya-karya tafsir tradisional dan kontemporer dirujuk bagi mendapatkan latar belakang, sejarah dan tafsiran ayat-ayat berkaitan secara konprehensif. Data dianalisa secara kualitatif dengan menekankan kepada kaedah analisis tekstual komparatif. Rujukan tafsir dan tulisan-tulisan berkaitan psikologi dan kecerdasan emosi dan personal menjadi landasan pemahaman, perbandingan dan penilaian bagi menganalisa dan mensintesis kecerdasan yang dimiliki oleh dua tokoh tersebut. Kajian mengenai dua tokoh wanita ini menunjukkan aspek kecerdasan yang mereka miliki melebihi kecerdasan akal dan emosi malah keunikan mereka jelas menunjukkan keupayaan dan kualiti pada personaliti khususnya kemahiran-kemahiran insaniah (*life soft skills*) yang boleh dicontohi. Ciri ketara yang dimiliki mereka merangkumi kemahiran (a) mencari solusi (b) keupayaan mengawal emosi (c) kemahiran merancang (d) ada kemauhan untuk mencuba dan berusaha secara berulang sehingga berhasil (e) mereka juga ada wawasan dan

matlamat dalam kehidupan. Ke semua ciri ini menunjukkan personaliti dan kecerdasan unik yang mereka ada.

## Kecerdasan Personal

### a. Definisi Kecerdasan

Kecerdasan berakar daripada perkataan cerdas. Makna umum bagi cerdas kebiasaannya merujuk kepada sempurna akal budi untuk berfikir dan mengerti, tajam fikiran sehingga mampu membuat tindakan dan memimpin dan pintar (*Kamus Dewan*)<sup>1</sup>. Kecerdasan merujuk kepada kesempurnaan akal untuk berfikir dan mengerti. Ia merujuk kepada kepandaian, kecerdikan dan kepintaran. Kepandaian pula merujuk kepada kebolehan ataupun kemahiran. Ia juga merujuk kepada kemampuan dan kecekapan. Perkataan Inggeris yang berkaitan dengan kecerdasan ialah *intelligence* (noun) dan *intelligent* (adjective). *Intelligence* merujuk kepada kemampuan untuk mempelajari sesuatu dan mengatasi kelemahan diri. Ia juga merujuk kepada mempunyai pengertian mendalam tentang sesuatu (*insight*), kemampuan untuk membuat pertimbangan (*judgement*) dan memperkenalkan hikmah dan kebijaksanaan (*wisdom*) (Webster Collegiate Thesaurus 1976: 452-453). Intelligent pula merujuk kepada hal, sifat, ciri seseorang seperti rational (rasional ataupun waras), consequent (penuh pertimbangan kepada kesan-kesan), logical (berfikiran logik), reasonable (matang dan diterima), sensible (matang) and sound (waras ataupun benar).

Kecerdasan kepada ‘keupayaan seseorang untuk menerima, memproses dan menilai maklumat serta menggunakan inisiatif untuk menyelesaikan masalah dalam

---

<sup>1</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka. *Kamus Dewan*, dalam <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kecerdasan>. Akses pada 15 September 2017.

persekitaran tertentu' (Arbaiyah Md Zin, 2006; Syed Najmuddin Syed Hassan, 2005; Emli Baharruddin dan Zainab Ismail, 2015). Seseorang yang mempunyai kecerdasan merujuk kepada mereka yang mampu untuk memahami sesuatu secara tepat dan sempurna (Ramayulis, 2004 dan Md. Said Suleiman, 2002) bertindak secara rasional dan berinteraksi secara positif dengan persekitaran (David Wechsler, 1958). Selanjutnya, Elmi Baharuddin dan Zainab Ismail (2015) menjelaskan bahawa dalam Islam, kecerdasan dinilai apabila akal budi insan didukungi oleh kekuatan zikir (*naqliyyah*) dan fikir (*aqliyyah*). Kecerdasan diambil kira apabila upaya berfikir menggabungkan faktor kognitif dan afektif secara seimbang.

b. Definisi Personal dan Personaliti.

*American Physiological Association* menjelaskan maksud perkataan ‘personal’ dan ‘personaliti’ merujuk kepada kualiti-kualiti tertentu dalam diri seseorang yang memberikan kesan kepada ciri-ciri dan gaya tingkah-laku yang dizahirkan dan tidak dizahirkan dalam kontek dan masa tertentu. Personal merujuk kepada seorang individu dan sesuatu yang berkaitan dengan dirinya. Personaliti pula merujuk kepada identiti diri, ciri-ciri, sifat, perwatakan dan juga seseorang yang istimewa (Webster Collegiate Thesaurus, 1976: 596). Nor Hafifah Abdul Rasid (2013) mentakrifkan personaliti sebagai himpunan pola emosi, pemikiran dan perlakuan yang unik untuk seseorang dan tekal dengan masa. Menurut Mahmood (1992), personaliti merupakan sifat-sifat yang ada pada seseorang individu seperti cara dia berfikir, beraksyi, beremosi, berpersepsi dan lain-lain lagi yang memboleh-kannya berbeza dengan orang lain. Pengkaji bidang psikologi mendapati manusia memiliki ciri-ciri personaliti yang pelbagai. Personaliti juga merujuk kepada tindak-tanduk seseorang yang menzahirkan ciri-ciri kawalan emosi dan pemikiran berkait-rapat dengan personaliti. Oleh itu

personaliti mengambarkan keseluruhan seseorang (Nor Hafifah Abdul Rasid, 2013).

c. Kategori Kecerdasan

Gardner (2003: 23-24) mengesyorkan terdapat tujuh komponen kecerdasan iaitu:

- a) Kecerdasan linguistik merangkumi kebolehan mengolah kata dan berbahasa.
- b) Kecerdasan logik terutamanya melibatkan perkiraan dan angka.
- c) Kecerdasan visualisasi, boleh membuat gambaran secara visual.
- d) Kecerdasan seni seperti kemahiran bermain alatan muzik dan penciptaan irama lagu
- e) Kecerdasan kinestetik melibatkan pergerakan dan perimbangan secara fizikal
- f) Kecerdasan interpersonal iaitu kemahiran untuk bekerjasama dengan orang lain
- g) Kecerdasan intrapersonal iaitu kemampuan yang ada dalam diri sendiri.

Selanjutnya Salovey, Brackett, & Mayer (2004) dan Mayer & Solovey (1997) mengkategorikan kecerdasan personal kepada lima kebolehan iaitu:

- a) Keupayaan mengenali emosi diri pada saat terjadi sesuatu insiden.
- b) Keupayaan mengelola dan menangani emosi agar ia dapat disalurkan sewajarnya.
- c) Kemampuan memotivasi diri untuk mencapai tujuan dengan inisiatif dan kreativiti.
- d) Kebolehan mengenali emosi orang lain/ada perasaan empati
- e) Berupaya menangani keadaan dan suasana semasa menghadapi peristiwa/insiden agar dapat tanganinya secara efisien.

Kecerdasan personal terbahagi kepada dua pembahagian iaitu kecerdasan intra personal dan kecerdasan interpersonal (Gardner, 1983). Kecerdasan intrapersonal berkaitan kemampuan untuk akses kepada perasaan sendiri (Fitri Mares Efendi, 2015) dan pengetahuan diri (Thomas Armstrong, 1997 & 2000). Seseorang yang ada kecerdasan intrapersonal mampu untuk bertindak secara adaptif berdasarkan pengetahuan dan emosi diri yang seimbang. Hasilnya beliau mempunyai kesedaran yang tinggi, matlamat yang jelas, ada wawasan, mampu mendorong diri secara positif, memelihara harga diri dan kenali batas dan disiplin. Kecerdasan intrapersonal itu juga mampu membentuk diri seseorang untuk membezakan kepelbagai emosi yang berlaku kepada diri dan bijak membimbing dan mengimbangi diri sendiri (Thomas Armstrong, 1997 & 2000). Kecerdasan interpersonal pula adalah kemampuan seseorang untuk menyedari dan membezakan keunikan-keunikan yang terdapat pada orang lain terutamanya mood, perasaan, motivasi dan kehendak mereka. Kesannya, seseorang itu akan bertindak dan berfikir dengan mengambilkira gaya peribadi dalam bekerjasama dengan orang lain agar dia boleh bekerja lebih efektif, bekerjasama dan penuh empati dan juga mengambilkira keadaan semasa, perasaan, dan motivasi (Gardner, 1993).

Ada beberapa aspek pertindanan pada ciri dan definisi kecerdasan personal dan kecerdasan emosi. Kecerdasan emosi merujuk kepada keupayaan untuk mengetahui dan mengenalpasti emosi sendiri dan orang lain dalam memahami, menguasai, mengurus emosi tersebut supaya stabil serta memotivasi diri. Impaknya seseorang itu dapat menjaga hubungannya dengan orang lain (Goleman, 1995 dan Mayer & Salovey, 1997). Berdasarkan definisi, pembahagian dan ciri kecerdasan personal dapat dikenalpasti ada pada seseorang individu apabila beliau

menyedari dan menyelami emosi sendiri, mencari jalan penyelesaian solusi semasa buntu, memantapkan potensi diri dan ketrampilan, mempunyai motivasi untuk mencapai tujuan dan sasaran, menjalani kehidupan sehari-hari berlandaskan nilai-nilai agama dan berusaha atau bekerja untuk menampung kelangsungan kehidupan. Selain itu, seseorang yang memiliki kecerdasan personal juga jelas tentang matlamat, tujuan kehidupan dan seorang berwawasan. Beliau membuat perancangan untuk mempelajari sesuatu secara berterusan untuk perkembangan diri, berusaha untuk memahami kemahuan diri dan pengalaman yang ditempuhi. Beliau tidak hanya berfikir dan merancang untuk diri sendiri tetapi turut berasa bertanggungjawab terhadap orang lain. Dengan erti lain, mempunyai tanggungjawab kemanusiaan.

## **Kisah Dua Wanita Pilihan dalam Alquran**

### a. Hajar Isteri Nabi Ibrahim

Hajar merupakan isteri kedua Nabi Ibrahim yang dinikahi baginda setelah berusia. Perkahwinan ini diatur oleh Sarah, isteri pertama baginda setelah mereka tidak dikurniakan zuriat sejak sekian lama. Dari segi latar belakang Hajar disebut sebagai pembantu ataupun khadam kepada Sarah. Setelah berkahwin dengan Hajar, Nabi Ibrahim telah mendapat anak bernama Ismail (Ibn Kathîr, t.t:46-47). Terdapat riwayat menjelaskan bahawa Hajar berketurunan bangsawan Mesir. Apabila Mesir jatuh kepada raja yang baharu, seluruh keluarganya menjadi tahanan. Hajar dilepaskan dari tahanan apabila raja baharu ketika itu menghadiahkannya kepada Sarah untuk mengambil hatinya. Ayat Alquran yang berkaitan dengan kisah Hajar terdapat dalam QS. Ibrâhîm [14]:37,

“Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Mekah) yang tidak ada

tanaman padanya, di sisi rumahMu yang diharamkan mencerobohnya. Wahai Tuhan kami, (mereka ditempatkan di situ) supaya mereka mendirikan sembahyang (dan memakmurkannya dengan ibadat). Oleh itu, jadikanlah hati sebahagian dari manusia tertarik gemar kepada mereka, (supaya datang beramai-ramai ke situ) dan kurniakanlah rezeki kepada mereka dari berbagai jenis buah-buahan dan hasil tanaman, semoga mereka bersyukur.” (semua terjemah diambil dari <http://www-quran.com>)

Insiden dan kontek ayat ini merujuk kepada kejadian yang berlaku apabila Nabi Ibrahim membawa Hajar dan Ismail ke lokasi baru jauh dari tempat mereka tinggal. Usia Ismail pada ketika itu masih dalam tempoh penyusuan. Mereka telah melalui kawasan lembah yang subur, padang pasir dan kawasan berbukit. Baginda sekeluarga akhirnya tiba di padang pasir Semenanjung Arab yang gersang Selain itu kawasan itu tidak berpenghuni dan tidak ada kesan pernah diduduki. Pendapat menyatakan bekal air dan makanan yang ada semasa Nabi Ibrahim meninggalkan Hajar dua beranak hanya mencukupi untuk tempoh dua hari sahaja (Ibn Kathir, t.t).

Apabila Nabi Ibrahim melangkah kaki untuk meninggalkan mereka, Hajar telah mengejar baginda dan bertalu-talu bertanya ke manakah baginda akan pergi dan mengapakah mereka ditinggalkan. Hajar tidak mendapat apa-apa respon daripada baginda. Namun, Hajar segera menyedari ada maksud di sebalik sikap berdiam diri Nabi Ibrahim. Lantas Hajar cuba mendapatkan kepastian adakah mereka berdua mesti ditinggalkan di tempat baharu yang tidak berpenghuni disebabkan oleh titah perintah daripada Allah. Nabi Ibrahim mengiyakan pertanyaan Hajar. Ini menunjukkan Hajar sudah mula memahami keadaan. Sebagai respon, Hajar menyatakan Allah akan menjaga

mereka berdua. Respon ini meringankan kesedihan di kedua-dua pihak.

Kemudian Nabi Ibrahim pun berdoa dengan doa dalam ayat di atas. Ada pendapat menjelaskan baginda mula berdoa dengan doa ini apabila tiba di satu tempat bernama Thaniya, jauh dari lokasi Hajar dan Ismail. Bagaimanapun menurut al-Sya'rawi, doa ini dititip oleh Nabi Ibrahim sebaik sahaja baginda tiba di situ. Doa ini menggambarkan suasana lokasi tempat Hajar dan anaknya yang akan ditinggalkan. Nabi Ibrahim mengetahui dengan jelas bahawa tempat tersebut gersang tidak bertumbuhan. Bagaimanapun baginda akan meninggalkan mereka berdua di situ kerana perintah Allah. Ayat ini menggambarkan terdapat banyak perkara dalam kehidupan hatta kehidupan seorang Nabi, baginda harus menyerahkan aturan kehidupan kepada Allah swt yang lebih berkuasa. Secara fizikalnya, baginda akan meninggalkan mereka kepada Allah – untuk tinggal di sisi Rumah Allah (al-Sya'rawi). Dengan penuh pengharapan, Nabi Ibrahim berdoa agar pada suatu masa kelak, daerah terpencil tersebut akan mencuri tumpuan manusia sehingga mereka bergerombolan pindah dan tinggal di sana. Salah satu keajaiban doa ini pada permintaan Nabi Ibrahim agar tempat yang gersang itu dikurniakan dengan buah-buahan. Doa ini dimakbulkan oleh Allah setelah Hajar menemui telaga zamzam.

Ibnu Kathir (t.t) memetik riwayat daripada Ibnu Abbas yang menjelaskan sepeninggalan Nabi Ibrahim, Hajar mendapati bekalan air dalam bekas mereka telah habis. Mereka berdua mula berasa dahaga. Persekutaran gurun juga telah menambah rasa haus. Panas terik menjadikan fizikal mereka memerlukan air lebih dari kebiasaan. Ismail mula menunjukkan rasa lapar dan mula menangis. Hajar terpaksa meninggalkan Ismail dan mula mencari lokasi paling tinggi. Hajar menemui Bukit Safa dan mendakinya dengan harapan

beliau dapat mengesan punca air ataupun melihat jika ada rombongan musafir dari jarak jauh. Dari puncak Bukit Safa, Hajar mendapati ada satu lagi lokasi yang tinggi, lalu Hajar ke sana dengan harapan yang sama. Lokasi itu ialah Bukit al-Marwa. Harapan Hajar untuk mendapatkan bekalan air dan menemui orang lain telah membuatkan beliau turun naik kedua-dua bukit itu sebanyak tujuh kali.

Setelah berusaha berulang-kali, Hajar mula menyedari terdapat satu punca air tidak jauh dari mereka. Dengan pantas, Hajar mencari jalan untuk menakung air yang sedang keluar. Dengan kudrat yang ada, Hajar mengangkat batu-batu dan menyusunnya bagi menakungkan air tersebut. Nabi Muhammad s.a.w bersabda: *Semoga Allah merahmati bonda Nabi Ismail. Jika beliau tidak berbuat sedemikian, nescaya air (zamzam) akan mengalir di permukaan dan hilang begitu sahaja.* Tindakan Hajar menakung air menyebabkan lokasi tersebut mendapat perhatian. Para penghuni padang pasir yang hidup secara nomad melihat pergerakan burung-burung yang terbang ke arah sumber air. Mereka memohon izin untuk berpindah dan menetap berdekatan dengan tempat Hajar dan anaknya. Hajar memberikan keizinan bersyarat iaitu mereka dibenarkan menetap tetapi tidak berhak menguasai sumber air tersebut. Kumpulan itu bersetuju dan mula hidup bersama mereka. Itulah kabilah Jurhum yang akhirnya menjadi sebahagian keluarga Hajar dan Ismail. Dari daerah terpencil, kota Mekah menjadi tumpuan pedagang dan petani membawa dagangan dan hasil bumi mereka dari empat penjuru semenanjung tanah Arab.

b. Ibu Nabi Musa

Terjemahan QS. al-Qasas [28]:7-13:

“Dan Kami ilhamkan kepada ibu Musa: Susukanlah dia; dalam pada itu, jika engkau takutkan sesuatu bahaya mengenainya (dari angkara Firaun), maka (letakkanlah

dia di dalam peti dan) lepaskanlah dia ke laut dan janganlah engkau merasa bimbang dan jangan pula berdukarita; sesungguhnya Kami akan mengembalikannya kepadamu, dan Kami akan melantiknya menjadi salah seorang dari Rasul-rasul Kami.”

“Setelah itu dia dipungut oleh orang-orang Firaun; kesudahannya dia akan menjadi musuh dan menyebabkan dukacita bagi mereka; sesungguhnya Firaun dan Haman serta orang-orangnya adalah golongan yang bersalah.”

“Dan (ketika melihat kanak-kanak itu) berkatalah isteri Firaun: (Semoga ia menjadi) cahaya mata bagiku dan bagimu; janganlah kamu membunuhnya; mudah-mudahan dia berguna kepada kita atau kita jadikan dia anak. Padahal mereka tidak menyedari (kesudahannya).”

“Dan (sepeninggalannya) menjadilah hati ibu Musa kosong; sesungguhnya dia nyaris-nyaris menyatakan perihal anaknya itu dengan berterus-terang jika tidaklah Kami kuatkan hatinya (dengan perasaan sabar dan tenang tenteram), supaya tetaplah dia dari orang-orang yang percaya (akan janji Allah).”

“Dan berkatalah dia kepada kakak Musa: Pergilah cari khabar beritanya. (Maka pergilah ia) lalu dilihatnya dari jauh sedang orang ramai tidak menyadarinya.”

“Dan Kami jadikan dia dari mulanya enggan menyusu kepada perempuan-perempuan yang hendak menyusukannya; (melihatkan halnya itu), kakaknya berkata: Mahukah, aku tunjukkan kamu kepada penduduk sebuah rumah yang dapat memeliharanya untuk kamu, serta mereka tulus ikhlas kepadanya?”

“Maka (dengan jalan itu) Kami kembalikan dia kepada ibunya supaya tenang tenteram hatinya dan tidak berdukarita (disebabkan bercerai dengannya) dan supaya ia mengetahui bahawa janji Allah (untuk menyelamatkannya) adalah benar; akan tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (yang demikian itu).”

Kontek ayat ini adalah berkaitan zaman pemerintahan Firaun dan zaman sebelum kebangkitan Nabi Musa sebagai nabi. Kisah yang dipaparkan dalam ayat menunjukkan persediaan dan kejadian yang berlaku yang menunjukkan tanda-tanda nubuwwah Nabi Musa. Firaun, raja Mesir ketika itu telah memperkenalkan beberapa polisi seperti polisi perbezaan warganegara Mesir dan polisi pembunuhan kanak-kanak lelaki daripada kalangan Bani Israel. Tujuan Firaun mewujudkan perbezaan status sosial dalam negara adalah supaya rakyat tidak bergabung dan bersatu membentuk kekuatan. Sungai Nil menjadi pemutus hubungan di antara rakyat berbangsa Qibti dan Bani Israel. Selain itu, anak lelaki dibunuh manakala anak perempuan dibiarkan hidup. Seorang nujum meramalkan Firaun akan hilang kekuasaannya di tangan keturunan Bani Israel. Tumbuh argumen yang mempersoalkan ketuhanan Firaun yang gerun terhadap keturunan Bani Israel. Kerisauan Firaun diperlaraikan dengan mencipta polisi (al-Sya'rawî, t.t).

Al-Sya'rawî menjelaskan keutuhan hati yang dimiliki oleh ibu Nabi Musa mengenai peribadi unik anaknya yang baru lahir ini disebabkan beberapa insiden semasa usaha menyelamatkan nyawa anaknya. Allah kurniakan ilham kepada ibu nabi Musa agar menyusukan anaknya sehingga kenyang (ayat 7). Penyusuan ini akan menyebabkan baginda kenyang dan tidak menangis terutamanya saat-saat pihak perisik atau tentera Firaun menghampiri tempat tinggal keluarga tersebut. Satu pendapat menjelaskan ibunya pernah menyembunyikan baginda dalam tanah yang digali dan ditutup dengan papan di dalam rumah mereka. Apabila tentera Firaun dating membuat pemeriksaan, ibunya akan meletakkan baginda di dalam lubang tersebut dan menutupinya. Keyakinan ibunya bahawa anaknya selamat dalam peliharaan Allah dan akan membesar sebagai seorang yang berwibawa bermula beliau dapat anaknya

masih bernyawa sekalipun disimpan di bawah papan dan lubang kecil tersebut (al-Sya'rawi, t.t).

Setelah merasakan strategi menyimpan anaknya di lokasi itu tidak selama-lamanya selamat, ibunya mencari inisiatif baru iaitu dengan meletakkan bayinya di dalam sebuah bekas yang diikat dengan tali dan menghanyutkannya ke sungai. Kisah ini diperincikan dalam ayat 38-39 Surah Tâhâ. Tali itu diikat dengan kuat dan ditambat kemas. Apabila tentera Firaun hampir ke perkampungan mereka, ibunya akan membawa Nabi Musa dan menghanyutkan peti yang terapung itu ke sungai. Kemudian, apabila mereka berlalu, ibunya akan menarik kembali tali dan peti tersebut ke daratan. Bagaimanapun pada suatu hari, tali pengikat peti itu tiba-tiba putus dan peti itu terus berlalu mengikut arus sungai menghala ke istana Firaun (al-Sya'rawi).

Ayat 7-13 menunjukkan sifat dominan wanita dalam membuat tindakan dan keputusan. Contohnya, pertama strategi ibu nabi Musa menyelamatkan anak. Kedua, dominasi Asiah ke atas Firaun, sehingga dalam kes Nabi Musa yang baru ditemuinya, Asiah telah merayu agar dibenarkan memiliki anak lelaki sekalipun daripada keturunan Bani Israel. Asiah telah menggunakan kebijaksanaannya memberikan dua pilihan kepada Firaun sama ada; mengambilnya ataupun memanfaatkan anak tersebut untuk tujuan-tujuan tertentu ataupun menjadikan bayi tersebut sebagai anak angkat (ayat 9). Kedua-dua pilihan Asiah untuk Firaun ini telah menyelamatkan nyawa bayi yang baru mereka temui (al-Sya'rawi).

Ayat ke-10 surah ini mengambarkan pertarungan emosi seorang ibu yang baharu kehilangan anak yang telah dijaga dengan rapi. Hampir-hampir si ibu ini memecahkan rahsia kehilangan anaknya sehingga perisikan dan ketenteraan Firaun dapat menghidu rupanya selama ini mereka menyembunyikan kehamilan di sebalik badannya yang kecil

dan tempat-tempat yang menjadi lokasi penyembunyian bayi-bayi lelaki Bani Israel yang lain. Apabila perasaan kehilangan dalam hatinya itu ditenangkan, kewarasan untuk berfikir kembali. Ibu Nabi Musa membuat strategi baharu untuk menjelaki anaknya (ayat 11).

Ibu Nabi Musa mengarahkan anak perempuannya untuk mencari kesan-kesan. Ibu nabi Musa memiliki dua orang anak sebelum nabi Musa lahir. Seorang perempuan dan seorang lelaki. Satu pendapat menjelaskan anak lelaki seorang lagi lahir pada tahun polisi tahun hidup ataupun dia dilahirkan sebelum polisi pembunuhan anak lelaki diperkenalkan dan dikuatkuasa. Salah satu kebijaksanaan ibu nabi Musa lagi adalah memilih anak perempuan untuk menjalankan tugas tersebut bagi mengurangkan risiko. Dengan kata lain, kaum wanita Bani Israel mendapat kelebihan sosial semasa pemerintahan Firaun berbanding kaum lelaki.

Kelebihan sosial ini telah dimanfaatkan dengan baik oleh anak perempuannya sehingga beliau berjaya menyertai massa yang sedang giat mencari ibu susuan bagi anak angkat raja Mesir. Dengan kuasa Allah, Nabi Musa yang masih bayi itu enggan menyusu dengan wanita-wanita yang dating untuk mendapatkan upah sebagai ibu susuannya. Kakak Nabi Musa seterusnya mencadangkan nama ibunya. Satu pendapat menjelaskan kakak Nabi Musa dapat bercakap dengan Haman, menteri kepada Firaun dan mencadangkan nama ibunya (ayat 40 Surah Tâhâ).

Ayat 13 menggambarkan kelegaan dan pengharapan tinggi seorang ibu apabila anak yang hilang itu akhirnya kembali dengan selamat sekalipun terpaksa menempuh perjalanan penuh konflik. Ibu Nabi Musa sedaya upaya cuba menghindarkan anaknya dari mara bahaya dengan banyak cara. Namun aturan Allah lebih berkuasa dan di luar jangkaan, anaknya yang disangka akan maut di tangan

Firaun, selamat di atas riba penguasa Mesir yang paling kejam. Insiden ini sekali lagi memperteguhkan hati ibu nabi Musa bahawa suatu masa kelak anaknya itu bakal tampil menyelamatkan Bani Israel dan menggongangkan kerajaan Firaun yang zalim.

## Analisis dan Perbincangan

Dalam bahagian pertama artikel ini telah menyenaraikan definisi kecerdasan dan juga kecerdasan personal. Pengkaji mendapati rumusan daripada School Leader Continuum@School Leadership Collaborative berte-patan dengan semua penjelasan mengenai kecerdasan personal yang telah diberikan iaitu:

“Personal intelligence is the capacity to reason about personality and to use personality and personal information to enhance one’s thoughts, plans and life experiences.”

Selanjutnya, School Leadership Collaborative (t.t) menjelaskan terdapat empat kompetensi ataupun kebolehan seseorang yang memiliki kecerdasan personal iaitu; *wellness*, *growth mindset*, *self-management* dan *innovation*. *Wellness* di sini mencakupi keseimbangan jasmani dan mental. Dalam hal ini, Hajar mempamerkan kemampuan untuk bermusafir jauh dan mampu mendaki dua bukit berulang-ulang. Seorang yang ada *growth mindset* menunjukkan ciri-ciri tertentu seperti menerima cabaran, mampu bertahan sekalipun sukar, memandang usaha-usaha sebagai jalan untuk solusi ataupun menguasai sesuatu, dan mendapat inspirasi daripada orang lain.

Apakah kecerdasan yang ditonjolkan oleh bonda Nabi Ismail, Hajar? Dalam kontek Hajar, berseorang menjaga anak yang masih kecil dan dalam tempoh penyusuan adalah cabaran yang mesti ditempuh. Kesusahan dan kesukaran untuk mencari punca air mesti diselesaikan hatta terpaksa melakukan sesuatu usaha fizikal berulang-

ulang kali dengan kudrat seorang wanita. Inspirasi diperolehi daripada Nabi Ibrahim yang mengesahkan bahawa tujuan Allah jelas bahawa mereka berdua harus berada di situ kerana titah perintah Allah dan misi dakwah.

Sepeninggalan Nabi Ibrahim, Hajar harus mengurus keperluan itu sendirian (*self-management*). Ismail masih kecil untuk ditaklifkan dengan apa-apa tugas. Maka, beliau bertanggungjawab penuh terhadap dirinya dan anaknya. Dalam memahami keperluan pengurusan diri, *School Leadership Collaborative* (t.t) telah menyenaraikan empat lagi ciri (*attribute*) yang berkaitan bagi memberi gambaran tentang bagaimanakah corak keupayaan mengurus itu. Empat ciri tersebut adalah *organized* (teratur), *balanced* (memandang dan membuat sesuatu setelah meninjau pelbagai sudut dan mengetahui impak kepada tindakan), *self-controlled* (mengatur tindakan dan rancangan dengan penuh strategik, mampu bertenang sekalipun ada banyak desakan) dan *self-confident* (sedar dan tahu kekuatan dan kelemahan, mencuba mencari apa peluang yang ada, terima cabaran mendatang, menerima pandangan dan bijak membuat keputusan). Keempat-empat ciri *self-management* ini ditonjolkan oleh Hajar dan juga ibu Nabi Musa.

Hajar mampu bertenang semasa diasak dengan ujian tiada sumber air, ditinggalkan oleh Nabi Ibrahim, bersendirian dengan anak yang masih kecil di lokasi yang tidak berpenghuni dan gersang. Dengan kekuatan yang ada, Hajar meninjau dan mencari peluang dengan mendaki dan menurun dua bukit berdekatan dengan dengan fikiran positif bahawa akan ada kelibat manusia kafilah ataupun sang pengembala yang hampir dan sumber air yang akan ditemui.

Perhatikan tindakan-tindakan proaktif yang dilakukan Hajar setelah beliau dan anaknya menemui sumber air zamzam. Pertama, beliau terus menyusun batu-batan

dengan tujuan menakungkan air untuk jangka pendek dan panjang. Air itu tidak boleh dibiarkan mengalir dan hilang begitu sahaja. Beliau menjana idea (*innovation*) yang praktikal. Batu disusun untuk menakung air. Takungan itu mendapat perhatian burung-burung berterbang. Bagi masyarakat gurun, arah burung-burung terbang menunjukkan indikasi sumber air samada untuk pengembalaan ataupun pertanian. Kecerdasan fikiran, kecerdasan emosi serta kekuatan spiritual jelas tergambar kepada diri wanita pilihan ini.

Bagaimakah pula menekuni kecerdasan personal yang ditonjolkan oleh ibu Nabi Musa? Dalam menghuraikan kecerdasan personal yang ditonjolkan oleh ibu Nabi Musa, sekali lagi kerangka sifat dan ciri *personal intelligence* yang dicadangkan oleh School Leadership Collaborative dijadikan panduan. Kontek Mesir yang dihuni oleh ibu Nabi Musa berbeza dengan pengalaman kehidupan Hajar semasa beliau tiba di Mekah. Namun, situasi yang digambarkan untuk pembaca Alquran adalah kedua-dua ibu tersebut berada dalam situasi mencabar.

Ibu Nabi Musa hidup terhimpit kerana polisi yang menggugat nyawa anaknya. Dalam kemelut itu, beliau harus berusaha gigih mencari jalan supaya anaknya terselamat dari bahaya dan dibunuh. Dalam kontek Hajar, beliau harus berusaha dengan apa cara sekalipun untuk menyelamatkan nyawa anaknya. Kedahagaan dan dehidrasi boleh mengundang maut. Ini kerana air sumber kehidupan terpenting. Tanpa air, seorang bayi terdedah kepada komplikasi bahaya. Kajian-kajian saintifik hari ini telah menyenaraikan pelbagai impak negatif apabila tubuh manusia kekurangan bekalan air. Permulaan kisah mengenai ibu Nabi Musa adalah apabila beliau mendapat ilham daripada Allah agar menyusukan Musa sehingga kenyang dan memastikan agar baginda berada dalam keadaan selesa. Ini kerana bayi yang kenyang dan selesa tidak akan menangis. Jika tangisan itu

kedengaran, tentera dan perisik Firaun akan menghidu di manakah mereka berada. Tindakan menyusu anaknya ini merupakan satu bentuk ‘persediaan’.

Strategi selanjutnya dapat dikenalpasti daripada riwayat-riwayat yang menjelaskan tindakan beliau menyembunyikan baginda agar tidak dijumpai. Riwayat-riwayat dalam kitab tafsir menyebut beberapa strategi yang digunakan seperti ‘beliau menyembunyikan kehamilan dengan memakai pakaian besar dan longgar’, ‘menggali lubang di tengah rumah dan menutup lubang itu dengan papan’, ‘memasukkan baginda di dalam peti dan dihanyutkan ke sungai, peti itu diikat dengan tali, apabila tentera telah pergi, ibunya akan menarik kembali tali tersebut dan mengeluarkan Nabi Musa’. Strategi yang dilaksanakan demi menyelamatkan anaknya ini dapat dikaitkan dengan inovasi beliau menjana idea-idea (*innovation*).

Alquran merakamkan peristiwa hanyutnya Nabi Musa ke istana Firaun dengan penuh dramatik. Tali yang diikat pada peti yang terapung di sungai telah putus. Peti itu benar-benar hanyut dan menghampiri istana Firaun. Usaha-usaha terdahulu ibu Nabi Musa yang sedaya upaya menjauahkan anaknya daripada Firaun tidak seperti kehendak Allah. Perancangan Allah, Nabi Musa hidup dan membesar di istana Firaun. Gambarajah berikut menjelaskan langkah dan strategi yang dilakukan oleh ibu Nabi Musa sebelum dan selepas insiden baginda hanyut dibawa arus ke istana Firaun.

Keupayaan ibu Nabi Musa mengendalikan emosi, mengatur strategi dan mengukuhkan pegangannya sebagai seorang yang bermatlamat jauh jelas melalui peristiwa sebelum dan selepas kehilangan anaknya. Ketahanan beliau untuk bertahan dan tidak sesekali menghebahkan kehilangan anaknya di mata umum ternyata telah menyelamatkan baginda. Sekiranya, ibu Nabi Musa mengambil tindakan menularkan berita kehilangan anaknya, Nabi Musa yang

baharu sahaja ditemui oleh pihak istana akan menemui ajal. Bahkan kesanggupan beliau dan tawaran sebagai ‘ibu susuan’ adalah satu strategi yang dapat memulangkan kembali anaknya ke pangkuan keluarga. Kecerdasan emosi ibunya juga ketara kerana beliau kenali emosinya dan mampu mengatur emosi dengan sewajarnya.

Selanjutnya beliau termotivasi untuk menjelaki anaknya dengan keupayaan yang ada termasuklah menggunakan sistem sokongan yang ada dalam keluarga sekalipun daripada anak perempuan. Keupayaan yang seterusnya diperhatikan dengan tindakan negosiasi dan tawaran penyusuan. Ibu Nabi Musa menggunakan strategi sebagai ibu susuan untuk mendapatkan kembali anaknya. Jika diperhatikan ayat pertama kajian (ayat 7 QS. al-Qasas) menyebut tentang ilham daripada Allah agar menyusukan anaknya sehingga kenyang.

Susuan telah menyelamatkan baginda beberapa kali semasa disembunyikan oleh ibunya. Strategi ini sekali lagi menjadi solusi yang membawa pulang Nabi Musa ke pangkuan ibunya dengan selamat. Sekalipun status yang membuatkan beliau dikenali hanyalah ‘ibu susuan’. Di sisi Allah dan keluarga, beliau tetap ibu kandung Nabi Musa. Ini juga membuktikan ibu Nabi Musa berjaya tangani ujian dan dugaan secara efisien. Kesemua ciri ini menepati kategori kebolehan yang ada dalam kecerdasan personal (School Collaborative Leadership) dan emosi (Mayer & Solovey).

Tindakan yang dipamerkan oleh dua wanita pilihan yang dikaji dalam Alquran ini menunjukkan bahawa mereka bukan sahaja memiliki kesempurnaan akal untuk berfikir dan mengerti, bahkan ada kemampuan untuk mempelajari sesuatu dan mengawal emosi dan tindakan diri dan orang lain. Mereka juga dapat memahami sesuatu dengan mendalam dan berkemampuan untuk membuat pertim-

bangsan (judgement) yang mempamerkan hikmah dan kebijaksanaan melalui tindakan-tindakan mereka.

Kajian mengenai dua tokoh wanita ini menunjukkan aspek kecerdasan yang mereka miliki melebihi kecerdasan akal dan emosi malah keunikan mereka jelas menunjukkan keupayaan dan kualiti pada personaliti khususnya kemahiran-kemahiran insaniah (*life soft skills*) yang boleh dicontohi. Antara ciri ketara kepada diri mereka adalah kemampuan dan kemahiran (a) mencari solusi (b) keupayaan mengawal emosi (c) kemahiran merancang (d) ada kemauhan untuk mencuba dan berusaha secara berulang sehingga berhasil (e) mereka juga ada wawasan dan matlamat dalam kehidupan – iaitu anak mereka merupakan mata rantai dakwah. Untuk itu, sebagai ibu, mereka mempertahankan dan menyelamatkan mereka adalah suatu yang prioriti.

## Referensi

- Abd Rasid, Nor Hafifah. *Halangan Personaliti Dalam E-Pembelajaran di Politeknik: Satu Kajian Kes Kualitatif*. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussien Onn, 2013.
- Sya'rawi (al), Muhammad Mutawalli. *Tafsir al-Sya'rawi: Khawatir al-Sya'rawi Haula Alquran al-Karim*. Akses online: <http://waqfeya.com/book.php?bid=879> (19 Oktober 2017).
- Arbaiyah Md Zin. *Tinjauan Kecerdasan Pelbagai di Kalangan Pelajar Tingkatan 4*. Tesis Sarjana. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- Armstrong, Thomas. *Kinds of Smart: Identifying and Developing Your Multiple Intelligences*. New York: Plume, 1997.
- , *In Their Own Way: Discovering and Encouraging Your Child's Multiple Intelligences*. New York: Tarcher/Putnam, 2000.

- Efendi, Fitri Mares. *Hubungan Antara Kecerdasan Intrapersonal Dengan Prestasi Belajar Siswa Kelas IV Gugus 1 Kecamatan Srandonan Kabupaten Bantul Yogyakarta Tahun Ajaran 2014/2015.* S1 Thesis. Fakultas Ilmu Pendidikan, Pendidikan Guru Sekolah Dasar, 2015.
- Baharruddin, Emli dan Zainab Ismail. "Kecerdasan Ruhaniah Membentuk Manusia Unggul," dalam *Islamijiyat*. 37, 2, (2015).
- Merriam, G & C. *Webster Collegiate Thesaurus*. USA: G&C Merriam Company, 1976.
- Gardner, Howard. *Frames of Mind: The Theory of Multiple Intelligences*. New York: Basics Book, 2003.
- Goleman, Daniel. *Emotional Intelligence*. USA: Bantam Books, 1995.
- Ibn Kathîr, Abû l-Fidâ' Ismâ'il b. 'Umar. *Stories of the Prophets*. Terj.Muhammad Mustapha Geme'ah. Cairo: Dar-us-Salam Publications, tth..
- Mayer, J.D & Salovey P., "What is Emotional Intellegence?," dalam P. Solovey & D.Sluyter (Editors). *Emotional Development and Emotional Intellegence: Implication for Educators*. New York: Basic Books, 1997.
- Ramayulis. Psikologi Agama. Jakarta: Kalam Mulia, 2004.
- Salovey, Peter., Brackett, M. A., & Mayer, J. D. *Emotional Intelligence: Key Readings on the Mayer and Salovey Model*. Port Chester, NY: Dude Press, 2004.
- Syed Hassan, Syed Najmuddin. *Hubungan Antara Faktor Kecerdasan Emosi, Nilai Kerja dan Prestasi di Kalangan Guru Maktab Rendah Sains Mara*. Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.
- Wechsler, David. *The Measurement and Appraisal of Adult Intelligence*. Edisi Ke-4. US: Williams & Wilkins Co, 1958.